

12 JAN 1996

OIC DIMINTA GUNA CARA SAINTIFIK UNTUK BERDAKWAH

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) disaran supaya menggunakan kaedah saintifik untuk menyebarkan budaya Islam dan mengukuhkan persaudaraan sesama ummah.

Setiausaha Agung OIC Dr Hamid Algabid berkata negara-negara anggota perlu menyesuaikan sistem dakwah yang memenuhi kehendak semasa bagi menggalakkan kerjasama ummah.

Berucap pada perasmian mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti-aktiviti Dakwah OIC di sini Dr Hamid berkata negara-negara anggota pertubuhan itu harus mempunyai kesungguhan untuk menghadapi cabaran-cabaran politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial.

Beliau menyifatkan mesyuarat di sini, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bukti mengenai keazaman OIC untuk menangani kempen memburuk-buruk Islam dan menentang usaha menyekat umat Islam daripada mencapai kemajuan.

Dr Hamid berharap umat Islam mengukuhkan perpaduan bagi menghadapi perubahan yang sedang berlaku khususnya kemajuan teknologi dan pembentukan Orde Baru Dunia.

OIC bercadang menganjurkan satu simposium di Kanada mengenai imej Islam untuk menjelaskan tentang Islam yang sebenar. -- BERNAMA